

NO. SOALAN: 127

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PN HJH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD
[PASIR GUDANG]**

RUJUKAN : 6937

SOALAN:

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tahap keberkesanan dan ketelusan sistem pemantauan dan pemeriksaan oleh Jabatan Imigresen Malaysia kerana masih terdapat ramai warga asing yang berjaya memasuki Malaysia tanpa butiran pengenalan yang sah.

JAWAPAN:

Seksyen 5 Akta Imigresen 1959/63 memperuntukkan setiap warga asing yang ingin masuk dan berlepas daripada Malaysia perlulah melalui pintu-pintu masuk yang telah digazetkan dan mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

Setiap warganegara asing yang ingin masuk ke Malaysia adalah diwajibkan untuk mengemukakan dokumen perjalanan yang sah semasa menjalani pemeriksaan di kaunter-kaunter imigresen bagi memperoleh kebenaran masuk dan tinggal di Malaysia dengan menggunakan permit yang sah. Kawalan dan pemeriksaan di kaunter-kaunter imigresen meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang pengembara, dan penyemakan identiti berdasarkan pangkalan data senarai syak JIM.

Kerajaan telah mula melaksanakan Sistem Penguatkuasaan dan Pendaftaran Warga Asing (Biometrik) (NERS) dan penggunaan teknologi ke atas pelekat pas yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bermula pada 1 Jun 2011 di semua pintu-pintu masuk di seluruh negara.

Di samping itu, dengan objektif untuk membanteras jenayah rentas sempadan, sistem NERS berupaya untuk menyaring dan menjejak pelawat berisiko tinggi. Melalui NERS, data biometrik dan maklumat pelawat dapat dibuat rujukan silang dengan

agensi-agensi domestik seperti Polis Diraja Malaysia dan antarabangsa seperti Interpol, *Regional Movement Alert System* (RMAS) dan lain-lain badan perisikan dunia.

Kerajaan Malaysia juga telah melaksanakan sistem BioSL di semua pintu masuk dan keluar negara bersekali dengan sistem NERS.

Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Malaysia telah mengenalpasti bahawa terdapat warga asing yang memasuki Malaysia tanpa melalui proses pemantauan dan pemeriksaan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Perkara tersebut sedang dipantau dan sedang diatasi oleh pihak berkenaan.